



KENYATAAN MEDIA

HEBAHAN SEGERA

UTM BERSEDIA MENGHARUNGI CABARAN MASA HADAPAN

Kuala Lumpur, 29 Ogos 2016: - Suasana persekitaran ekonomi, sosial, politik dan alam sekitar diperingkat global dan nasional telah memberi kesan kepada kita. Pelbagai masalah serantau dan global ini telah memaksa kita untuk menanganinya dengan penuh bijaksana dan berhemah. Sebagai salah satu agensi sektor pendidikan, UTM tidak terkecuali dari kesan persekitaran ini, malah sebagai institusi yang berteraskan 'Brain Power of the Nation' dan 'Innovation Powerhouse', UTM perlu mengorak langkah berani dalam bidang pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan untuk 'membina bangsa', 'mencipta harta dan kekayaan' serta menyumbang kepada kesejahteraan dan kemakmuran sejagat.

Walaupun sejak awal 2016 lagi, kebergantungan UTM kepada sumber kerajaan telah banyak dikurangkan, namun UTM tidak berganjak dari ingin terus 'soaring upwards' menjayakan agenda negara ke arah negara maju. Yang lebih memedihkan, dengan kekurangan sumber, UTM tetap diberi sasaran peringkat global seperti menjadi universiti 50 teratas dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.

Justeru itu, perkembangan yang berlaku ini memerlukan UTM memikirkan strategi, kaedah, inisiatif, program dan projek 'tanpa kotak' dalam setiap aspek budaya dan kehidupan atau 'DNA' warga UTM. Walaupun pelbagai isu seperti kawalan yuran pengajian untuk pra siswazah, kekangan dalam menangani isu berkaitan aset, kompetensi staf yang perlu di tangani akibat perbuhana iklim kerja dan sebagainya, UTM tetap positif dan proaktif mencari jalan keluar.

Pelbagai langkah awal mengharungi cabaran khususnya pada tahun 2017 telah pun bermula. Berkonsepkan 'Bertemu Mesra, Berkongsi Rasa, Mencambah Minda', pihak pengurusan telah sentiasa bersama warga UTM membincangkan perkara di atas. Selain dari mengadakan sesi perhimpunan bulanan bersama semua warga UTM, pihak pengurusan juga 'turun padang' ke setiap fakulti untuk menyampaikan dan mendapatkan pandangan dari warga UTM. Sesi sesi pertemuan kelompok kecil dan khusus samada secara formal atau santai banyak di adakan bertujuan yang sama. Kaji selidik melibatkan seramai mungkin warga turut dilaksanakan.

Selain dari di atas, pandangan dan komen dari pihak luar seperti pemegang taruh (pihak industri, profesional, majjikan, alumni, mahasiswa dan agensi kerajaan), juga amat berharga. UTM turut juga mendapatkan pandangan dari pakar luar dalam isu ekonomi, sosial dan politik. Salah seorang yang akan berkongsi pengalaman ini adalah Yg Bhg Datuk Dr Hamzah bin Kassim, Pengasas dan Pengarah Urusan Kumpulan, The iA Group Sdn Bhd yang akan menyampaikan syarahan perdana bertajuk " Higher Education: Preparing for future survival of the country". Pengalaman beliau dalam dalam kerajaan dan swasta sangat berharga dijadikan input untuk UTM mengorak langkah seterusnya. Kepakaran beliau dalam mentransformasikan institusi dan bisnes skala besaran merentasi sektor seperti bank, telekomunikasi, institusi awan, institusi pendidikan serta kerajaan luar negara harus diambil iktibar. Sesi perkongsian ini akan di adakan pada 29hb Ogos 2016 bertempat di Dewan Utama, Menara Razak, UTM Kuala Lumpur.

Kesemua input dan analisis persekitaran ini merupakan siri, usaha dan langkah awal UTM untuk merangka strategi tahun 2017. Beberapa sesi pengurusan strategik telah di susunkan agar bermula sahaja tahun 2017, UTM bersedia mengharungi cabaran masa hadapan.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Prof. Dr. Shahrin Mohammad

Pengarah

Pengurusan Strategi

Universiti Teknologi Malaysia

Tel: 019-7572000

03-553 0454 (Setiausaha)

Email: shahrin@utm.my